

**DAP tolak KLIA2, mahu dinamakan sempena Tunku
Malaysiakini.com
September 3, 2010**

DAP mahu kerajaan persekutuan menamakan Terminal Penerbangan Tambang Murah yang baru dinamakan sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Tunku Abdul Rahman (TARIA).

NONENAib pengerusi DAP, M Kulasegaran berkata tindakan itu sebagai menghargai sumbangan perdana menteri pertama.

"Ini bagi menentukan nama Tunku kekal sebagai lagenda bukan sahaja di kalangan rakyat Malaysia tetapi juga masyarakat antarabangsa.

"Meskipun sambutan kemerdekaan kekal di minda setiap rakyat Malaysia, kenangan pengorbanan Tunku dilihat semakin pudar terutama di kalangan pemimpin politik BN," katanya.

Sehubungan itu, Kulasegaran berkata DAP menolak nama terminal baru itu - KLIA2 seperti cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini.

"Bekas perdana menteri (Tun Dr) Mahathir Mohammad memilih untuk menamakan lapangan terbang utama negara KLIA dengan tujuan memperkenalkan Kuala Lumpur ...daripada memberi penghormatan kepada Tunku," kata Kulasegaran.

malaysia independence merdeka tunku abdul rahman declare 290806Menurut Kulasegaran lagi, Najib mengikuti jejak Mahthir dengan tidak mengiktiraf peranan dan pengorbanan Tunku.

Semasa upacara pecah tanah pada 30 Ogos lalu, Najib dilaporkan berkata terminal baru yang dijadualkan siap pada 2012 itu akan dinamakan KLIA2.

Namun kata Kulasegaran, DAP berharap legasi Tunku sekali lagi tidak diketepikan.

"Saya banyak menerima maklum balas daripada orang ramai mempersoalkan mengapa kerajaan memilih nama yang begitu membosankan dan tidak menarik untuk lapangan terbang itu.

"Saya juga hairan mengapa kerajaan tidak meminta cadangan daripada rakyat bagi memberi nama lapangan terbang itu," katanya.

NONElagipun, menurut Kulasegaran, Najib bersusah-payah pada Jun lalu meminta bantuan orang ramai untuk mencadangkan nama untuk kucingnya.

"Jika Najib boleh mendapatkan cadangan orang ramai untuk nama kucingnya, mengapa beliau tidak boleh berbuat demikian untuk isu nasional seperti menamakan terminal baru itu?" soal Kulasegaran.

Menerusi blognya, Najib mengalu-alukan cadangan nama bagi anak kucing yang dibelinya pada 17 Jun lalu.

"Saya dan keluarga saya dalam proses memilih nama baginya, tapi saya mengalu-alukan cadangan daripada anda," kata Najib dalam laman blognya www.1malaysia.com.my.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/141900>